

Berita Minggu, Ahad, 11 Julai, 1982

Mokhtar masih kekal dalam Kabinet

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan Datuk Mokhtar Hashim, yang didakwa di mahkamah atas tuduhan membunuh, masih kekal sebagai Menteri di dalam Kabinetnya.

Menurut Perdana Menteri, beliau tidak akan "mengambil apa-apa tindakan" sehingga Menteri Kebudayaan, Bella dan Sukan itu didapati bersalah oleh mahkamah.

Difahamkan, Perdana Menteri merujuk kepada kedudukan Datuk Mokhtar di dalam Kabinetnya berikutan penangkapan dan pendakwa-an terhadap Menteri itu.

Berecap kepada pemberita selepas melawat Projek Dayabumi, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata seseorang itu tidak bersalah sehingga mahkamah memutuskan sebaliknya.

Kepada pertanyaan sama ada Datuk Mokhtar telah menyerahkan surat per-

letakan jawatan sebagai Menteri, Perdana Menteri berkata: "Tidak... Saya telah tidak menemuinya (Datuk Mokhtar) sejak Khamis lalu."

Datuk Mokhtar, yang juga Ahli Parlimen Tampin, didakwa bersama empat lelaki lain atas tuduhan membunuh bekas Speaker Dewan Undangan Negeri Sembilan, Datuk Mohamad Taha Talib.

Allahyarham Datuk Mohamad Taha ditembak mati di rumahnya di Kampung Seri Asahan, Gemencih, Negeri Sembilan, 14 April lalu.

Datuk Mokhtar ditangkap polis kira-kira jam 1.30 pagi tadi, ketika dalam perjalanan pulang ke rumah di Petaling Jaya, dan kemudian didakwa di Mahkamah Majistret Tampin, jam 11 pagi.

Datuk Mokhtar telah dituduh menu-rut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.